

**PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN BAGI TUJUAN PERTANIAN**

**(KAJIAN KES : DAERAH BATU PAHAT)**

**KHASANAH BINTI SUFAAT@SUPAA**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## ABSTRAK

Isu pencerobohan tanah kerajaan secara haram sering diperkatakan dalam hal berkaitan tanah. Kegiatan jenayah ini berlaku sama ada di kawasan luar bandar mahupun di bandar. Malah turut sama berlaku ke atas tanah-tanah kerajaan untuk tujuan pertanian. Kegiatan pencerobohan tanah-tanah bagi tujuan pertanian ini berlaku bukan sahaja akibat kemiskinan tetapi mengambil kesempatan di atas kelalaian pihak yang bertanggungjawab. Dalam isu ini, tanah yang tidak dibangunkan dan juga tanah yang tidak dijaga dengan baik adalah tanah yang menjadi sasaran utama bagi pihak penceroboh. Penceroboh-penceroboh ini akan meneroka dan mengusahakan tanah-tanah tersebut tanpa memikirkan kesannya di sisi undang-undang demi mencapai matlamat dan tujuan masing-masing untuk kepentingan mereka sendiri. Walaupun tindakan penguatkuasaan ke atas kegiatan pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian ini telah dilaksanakan, namun keberkesannya masih belum diperolehi. Oleh itu kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti kegiatan pencerobohan tanah-tanah kerajaan untuk tujuan pertanian yang berlaku di Daerah Batu Pahat dan mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya kegiatan pencerobohan tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pertanian. Di samping itu, kajian ini juga melihat tindakan-tindakan penguatkuasaan ke atas pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian ini. Hasil penemuan dari kajian yang telah dijalankan, diharapkan Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat dapat mengeluarkan satu peraturan atau pekeliling mengenai denda yang setimpal yang akan dikenakan bagi individu yang terlibat dengan kegiatan pencerobohan ke atas kerajaan secara haram ini. Hal demikian, adalah diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan pendedahan kepada pihak-pihak yang terbabit dalam membendung kegiatan pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian yang kian berleluasa.

## **ABSTRACT**

The illegally encroachment issue of government land has always being an issue regarding matters of lands. This crime always happen not just at the rural areas but also happens in urban area. It also happens to government lands for agriculture purposes. This lands encroachment for agriculture purposes happens not just because poverty but also taking chances due to lack of attention from the responsible party. In this matters, lands that are not develops and lands that are not properly care are the main targets by the intruders. Those intruders will explore and work those lands without thinking the effects of it in law matters, just for achieving their goals and purposes for their own interests. Even though enforcement actions to this intruders activity for agriculture purposes have been taken, but the effects of it still unachievable. Because of that matters, this research is made for the purpose of identifying government lands invasion activity that happens in the district of Batu Pahat and identify what is that causes government lands invasion activity for agriculture purposes happens. At the same time, this research also been made to see enforcement actions that been made for this government lands invasion activity for agriculture purposes. Hopefully from this research, the District land office of Batu Pahat will issue a law or circular about the fines that will be imposed to individuals that involved in illegal activity of intruding government lands. Except that, hopefully this research will give benefits and exposure to the parties involved in preventing this activities from increase further.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	
	<b>PENGAKUAN</b>	
	<b>DEDIKASI</b>	<b>i</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Metodologi Kajian	7
	1.8 Susunatur Bab	11

## **BAB II KEGIATAN PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN BAGI TUJUAN PERTANIAN**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Pencerobohan Tanah Kerajaan	14
2.2.1	Definisi Tanah Kerajaan	15
2.2.2	Takrifan Pencerobohan Tanah Kerajaan	16
2.2.3	Kategori Pencerobohan Tanah Kerajaan	18
2.2.4	Bentuk-Bentuk Pencerobohan Tanah Kerajaan	19
2.3	Punca-Punca Berlakunya Pencerobohan Tanah Kerajaan	23
2.3.1	Faktor Ekonomi	23
2.3.1.1	Tanah Keperluan Hidup	23
2.3.1.2	Terdapat Tanah Kerajaan Yang Banyak	23
2.3.2	Faktor Sosial	24
2.3.2.1	Proses Pemberimilikan Tanah Yang Panjang	24
2.3.2.2	Kelewatan Perlaksanaan Projek	25
2.3.3	Faktor Perundangan	25
2.3.3.1	Kelemahan Tindakan Penguatkuasaan	25
2.3.3.2	Sistem Pengurusan Maklumat Tanah Kerajaan Yang Lemah	26
2.3.3.3	Kekurangan Pegawai Unit Penguatkuasaan	26
2.3.3.4	Kekurangan Kelengkapan dan Peralatan	27
2.4	Pihak Yang Memainkan Peranan Dalam Mengatasi Masalah Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Pertanian	27
2.4.1	Unit Kuatkuasa Pejabat Tanah	28
2.4.2	Pejabat Tanah dan Galian (PTG)	29
2.4.3	Kerajaan Negeri	30
2.5	Peruntukan Undang-Undang Berkenaan	30

	Pencerobohan Tanah Kerajaan	
2.6	Kaedah Penyelesaian Pencerobohan Tanah Di Malaysia Secara Umum dan Masalah-Masalah Dalam Melaksanakannya	31
2.6.1	Tindakan Penguatkuasaan dan Dakwaan	32
2.6.2	Tanah Rizab Kerajaan Dipagar	33
2.6.3	Pemberimilikan Tanah	34
2.6.4	Pemberian Pajak Tanah Rizab	35
2.6.5	Pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	35
2.7	Halangan Dalam Penyelesaian Pencerobohan Tanah Kerajaan	36
2.7.1	Kekurangan Pegawai Penguatkuasaan	37
2.7.2	Sikap Penceroboh	38
2.7.3	Campurtangan Politik	39
2.8	Kesimpulan	40

### **BAB III KAWASAN KAJIAN**

3.1	Pengenalan	41
3.2	Latarbelakang Daerah Batu Pahat	42
3.3	Lokasi dan Keluasan	45
3.4	Kronologi Pencerobohan Tanah Kerajaan	47
3.5	Kesimpulan	51

### **BAB IV ANALISIS KAJIAN**

4.1	Pengenalan	52
4.2	Pengumpulan Data	53
4.2.1	Kaedah Temubual	54

4.2.2	Kaedah Kajian Lapangan	55
4.3	Kaedah Analisis Data	55
4.4	Analisis Kajian	56
4.4.1	Analisis Punca-Punca Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Pertanian	56
4.4.1.1	Desakan Hidup dan Kemiskinan	57
4.4.1.2	Tidak Memahami Undang-Undang	60
4.4.1.3	Kekurangan Pegawai-Pegawai Di Unit Kuatkuasa	63
4.4.1.4	Campurtangan Pihak Luar	66
4.4.2	Analisis Tindakan-Tindakan Penguatkuasaan ke Atas Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Pertanian	68
4.4.2.1	Tindakan Melalui Aduan	69
4.4.2.2	Siasatan Tapak	71
4.4.2.3	Penyediaan Laporan siasatan	73
4.4.2.4	Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Penguatkuasa Daerah	74
4.4.2.5	Pengeluaran Notis Secara Pentadbiran	75
4.4.2.6	Operasi Penguatkuasaan	76
4.4.2.7	Prosedur Pendakwaan	78
4.5	Kesimpulan	83

## **BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	85
5.2	Penemuan Kajian	86

5.3	Permasalahan Kajian dan Limitasi Kajian	87
5.4	Cadangan Penyelesaian	88
5.4.1	Penubuhan Jawatankuasa Khas ( <i>Ad hoc</i> )	88
5.4.2	Penambahan Bilangan Pegawai Penguatkuasa	88
5.4.3	Membuat Pindaan Ke Atas Kanun Tanah Negara	89
5.4.4	Sistem Maklumat Tanah Yang Cepak	89
5.4.5	Pelupusan Tanah Seara LPS	91
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	91
5.6	Kesimpulan	93

<b>RUJUKAN</b>	94
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	95
-----------------	----



# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Tanah merupakan salah satu sumber yang terhad penawarannya. Akan tetapi permintaan terhadap penggunaannya adalah terlalu tinggi. Hal ini dapat dilihat di dalam sektor pembangunan di mana setiap aktiviti yang ingin dijalankan seperti aktiviti pertanian, pembinaan, perindustrian dan juga perumahan sangat memerlukan tanah.

Tanah sangat penting bagi sesebuah kerajaan atau empayar dalam memperluaskan kuasa pemerintahannya. Malah tanah sering menjadi rebutan di antara kuasa-kuasa besar yang tamak dalam mengaut keuntungan yang boleh diperolehi daripadanya untuk kepentingan diri masing-masing. Oleh demikian, tidak hairanlah kebanyakan negara-negara di dunia ini sanggup berbalah dan berperang bagi mendapatkan tanah demi memperluaskan kuasa pemerintahannya.

Dalam membicarakan hal-hal berkaitan dengan tanah terdapat pelbagai isu dan permasalahan daripadanya yang mana ia dapat dilihat daripada pelbagai aspek dan memerlukan satu jalan penyelesaian dari terus berleluasa. Antara isu yang sering diperkatakan dalam hal yang berkaitan dengan tanah ini adalah isu pencerobohan tanah kerajaan secara haram. Di Malaysia isu pencerobohan tanah kerajaan ini adalah merupakan salah satu jenayah tanah yang telah berlaku sejak dahulu lagi.

Fenomena ini dapat dilihat dengan lebih ketara lagi di mana jenayah menceroboh tanah kerajaan ini telah dilakukan sejak bertahun-tahun yang lampau dengan menjalankan aktiviti pertanian dan membuat petempatan. Penceroboh-penceroboh ini adalah terlepas daripada dikenakan cukai tanah disebabkan penerokaan yang dilakukannya adalah tanpa adanya kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) secara sah.

Masalah yang lebih ketara adalah apabila tanah kerajaan diceroboh dan kegiatan pertanian dilakukan bertahun-tahun lamanya dan keuntungan diperolehi tanpa membayar cukai yang sepatutnya keatas tanah tersebut yang akhirnya menyebabkan kerajaan kerugian hasil pendapatan yang sepatutnya diperolehi. Menurut akhbar Berita Harian bertarikh 9 Mac 1998, terdapat sekitar 4,400 hektar tanah milik kerajaan dicerobohi dan dikenalpasti berlaku di Daerah Batu Pahat Johor. Tanah yang dicerobohi itu telah dibangunkan sebagai kawasan perkampungan dan pertanian iaitu ladang kelapa sawit. Terdapat sebilangan tanah yang dicerobohi telahpun dipohon oleh penduduk tetapi kebenaran dari pihak berkuasa masih belum diberikan lagi. (Sumber : Berita Harian, 9 Mac 1998).

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Isu pencerobohan tanah milik kerajaan tidak asing lagi diperkatakan di negara kita. Pencerobohan tanah seringkali dikaitkan dengan tanah-tanah yang dimiliki oleh kerajaan sama ada tanah tersebut dirizab atau diwarta. Malah, kegiatan pencerobohan tanah ini juga melibatkan tanah-tanah yang telah diberimillik kepada pihak-pihak tertentu yang layak seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965.

Pencerobohan tanah kerajaan ini berlaku di mana sahaja, sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Malah turut sama berlaku ke atas tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pertanian. Kegiatan pencerobohan tanah-tanah bagi tujuan pertanian ini berlaku bukan sahaja akibat kemiskinan tetapi mengambil kesempatan di atas kealpaan dan kelalaian pihak yang bertanggungjawab.

Menurut Utusan Malaysia yang bertarikh 5 Mac 2009, penduduk Kampung Damak Jerantut menunjukkan rasa tidak puas hati dan marah terhadap kegiatan pencerobohan tanah milik kerajaan di kampung itu untuk menjalankan kegiatan perladangan. Mereka hairan bagaimana tanah milik kerajaan boleh diceroboh sesuka hati untuk menjalankan projek pertanian berskala besar tanpa pengawasan pihak tertentu. Penduduk terbabit juga tidak berpuas hati kerana pencerobohan itu menyebabkan projek kemudahan awam bagi masyarakat setempat yang dirancang di tanah milik kerajaan itu tidak dapat dilaksanakan. Berikutan itu, penduduk kampung terbabit meminta Pejabat Tanah Daerah (PTD) Jerantut mengambil tindakan segera terhadap kegiatan pencerobohan tanah milik kerajaan itu untuk kegiatan perladangan.

Dalam isu ini, tanah yang tidak dibangunkan dan juga tanah yang tidak dijaga dengan baik adalah tanah yang menjadi sasaran utama bagi pihak penceroboh. Bagi penceroboh-penceroboh ini, mereka akan meneroka dan mengusahakan tanah-tanah tersebut tanpa memikirkan kesannya di sisi undang-undang demi mencapai matlamat dan tujuan masing-masing untuk kepentingan mereka sendiri. Terdapat sekitar 9, 491 ekar tanah milik kerajaan dicerobohi dan dikenalpasti berlaku di Daerah Batu Pahat Johor terutamanya di Mukim Sri Medan dan Mukim Chaah Bharu. Pencerobohan ini

melibatkan seramai 3, 312 bilangan penceroboh yang berbangsa melayu dan cina di kawasan kampung dan Bandar sekitar Daerah Batu Pahat. Tanah yang dicerobohi itu telah dibangunkan sebagai kawasan perkampungan dan pertanian iaitu ladang kelapa sawit, getah, dusun dan sayuran. Terdapat sebilangan tanah yang dicerobohi telahpun dipohon oleh penduduk tetapi kebenaran dari pihak berkuasa masih belum diberikan lagi. (Sumber : Rujukan Fail PTD Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat).

Walaupun tindakan penguatkuasaan ke atas kegiatan pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian ini telah dilaksanakan, namun keberkesannya masih belum diperolehi. Oleh yang demikian, melalui kajian ini pengkaji akan melakukan kajian untuk mengenalpasti kegiatan pencerobohan tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pertanian di Daerah Batu Pahat. Melalui kajian ini juga, maklumat berkaitan punca-punca berlakunya pencerobohan tanah kerajaan ini akan dapat difahami melalui pemerhatian tindakan yang telah diambil di masa lampau dan mengaplikasikannya di dalam tindakan yang akan diambil mengikut keadaan semasa.

Kajian yang dilaksanakan juga akan meliputi prosedur dan bentuk-bentuk tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah kawasan kajian terhadap kes pencerobohan ke atas tanah milik kerajaan berbentuk tujuan pertanian secara haram. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa melalui kajian yang akan dijalankan, para pembaca akan memperolehi maklumat-maklumat yang dapat membuka minda dan mengenalpasti tindakan yang boleh diambil oleh pihak Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat terhadap pihak penceroboh.

### **1.3 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti tindakan penguatkuasaan ke atas kegiatan pencerobohan tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pertanian.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Matlamat kajian ini dapat dicapai melalui pencapaian beberapa objektif yang digariskan iaitu:

- i. Mengenalpasti kegiatan pencerobohan tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pertanian.
- ii. Mengkaji punca-punca kepada pencerobohan tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pertanian.
- iii. Mengkaji tindakan-tindakan penguatkuasaan ke atas pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian ini.

#### **1.5 Skop Kajian**

Jika dilihat kembali kepada kajian-kajian penulisan yang telah dibuat sebelum ini, isu berkenaan pencerobohan tanah ini telah dan hanya dikaji dari aspek tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah ini sahaja. Akan tetapi kajian penulisan ini juga berkaitan dengan isu pencerobohan tanah dan juga akan menyentuh dari konteks lain iaitu dari aspek pelaksanaan tindakan penguatkuasaan dalam membendung kegiatan pencerobohan tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pertanian.

Kajian ini juga akan melihat punca-punca dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pencerobohan tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pertanian. Skop kajian ini adalah tertumpu kepada tanah pencerobohan di kawasan Daerah Batu pahat sahaja. Tanah pencerobohan adalah merupakan tanah milik kerajaan negeri dan tidak termasuk tanah milik persendirian. Oleh itu kajian yang dijalankan akan memberi penekanan dari sudut tindakan pelaksanaan penguatkuasaan bagi menangani kegiatan pencerobohan tanah kerajaan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Sehubungan dengan itu, penulisan kajian ini sangat penting dan banyak manfaatnya kepada pihak kerajaan seperti Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Tanah Daerah (PTD), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak yang lain dalam mendedahkan mereka dengan jalan penyelesaian yang boleh diambil untuk membendung masalah kegiatan pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian yang kian berleluasa.

Secara amnya, kajian yang dijalankan ini dapat memberi pengetahuan kepada banyak pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) atau pegawai-pegawai yang terlibat tentang keuntungan yang sepatutnya diperolehi oleh pihak kerajaan negeri hasil dari cukai tanah yang sepatutnya dijalankan ke atas tanah pencerobohan yang berpotensi untuk dibangunkan. Orang awam berhubung dengan kegiatan pencerobohan yang berlaku serta Pihak-pihak lain yang ingin mendalami ilmu pengetahuan berhubung dengan permasalahan yang berkaitan dengan pencerobohan tanah untuk masa sekarang dan masa hadapan. Di samping itu, ianya juga dapat memberitahu pelbagai pihak yang mana terlibat dalam sesuatu kes pencerobohan tanah berkenaan dengan kedudukan mereka di sisi undang-undang.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Dalam menghasilkan penulisan ini, penulis telah menggariskan serta melakarkan satu penyusunan rangka kerja sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Ini bertujuan bagi menjamin matlamat dan objektif kajian yang telah dibentuk mudah dicapai serta memastikan aspek-aspek penting yang perlu dimasukkan di dalam kajian ini tidak diabaikan. Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini terbahagi kepada lima peringkat utama yang dinyatakan seperti berikut:

### **1.7.1 Peringkat Kajian Awal**

Peringkat kajian awalan ini melibatkan kerja-kerja untuk mengenalpasti tajuk serta isu atau permasalahan yang akan dikaji, menetapkan matlamat serta objektif kajian dan mengenalpasti skop kajian yang akan dijalankan. Kajian awalan ini dijalankan melalui perbincangan yang dibuat dengan penyelia serta pencarian melalui bahan-bahan bacaan serta internet.

### **1.7.2 Peringkat Kajian Literatur**

Pada peringkat kajian literatur, penulis cuba untuk mendapatkan gambaran dan pemahaman awal tentang konsep-konsep asas dalam kajian yang dijalankan. Konsep-konsep asas ini merangkumi definisi pencerobohan tanah kerajaan. Punca dan faktor berlakunya kegiatan pencerobohan tanah kerajaan, kesan kegiatan pencerobohan tanah kerajaan, kaedah penyelesaian bagi mengatasi masalah kegiatan pencerobohan tanah kerajaan dan perundangan yang terlibat dalam menguatkuasa kegiatan pencerobohan tanah kerajaan. Kajian ini dijalankan ke atas data sekunder yang

diperoleh daripada bahan-bahan bacaan seperti buku, majalah, akhbar, laporan, jurnal dan artikel-artikel melalui internet.

### **1.7.3 Peringkat Kajian Lapangan**

Pada peringkat kajian lapangan, penulis telah mengadakan sesi temubual dan juga pemerhatian bagi mendapatkan sumber-sumber data primer. Temubual telah dijalankan terhadap pihak-pihak yang terlibat dengan penguatkuasaan bagi kes-kes pencerobohan tanah kerajaan berbentuk pertanian ini. Pemerhatian juga dijalankan oleh penulis bagi memperolehi data-data yang berkaitan seperti keadaan semasa tapak dan persekitaran kawasan yang terlibat dengan pencerobohan terbabit.


### **1.7.4 Peringkat Analisis Kajian**

Pada peringkat ini, data yang telah diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Peringkat ini penting kerana data primer dan data sekunder yang diperoleh akan dikumpulkan, dianalisis, disunting dan dikemaskini supaya menjadi satu maklumat yang berguna untuk dimasukkan ke dalam penulisan kajian. Ini juga adalah bertujuan bagi memastikan objektif dan matlamat kajian dapat dicapai melalui penemuan kajian yang bertepatan dengan kajian yang dijalankan. Proses menganalisis kajian ini dijalankan dengan mendapatkan tunjuk ajar daripada penyelia dari semasa ke semasa.

### **1.7.5 Peringkat Rumusan dan Cadangan**



Peringkat ini merupakan peringkat terakhir yang melibatkan proses merumuskan keseluruhan kajian yang dijalankan. Rumusan akan dibuat dengan teliti bagi memastikan hasil penulisan adalah seperti yang diharapkan dan mencapai matlamat serta objektif yang disasarkan. Beberapa cadangan untuk tujuan penambahbaikan yang difikirkan wajar oleh penulis telah diberikan sebagai mengakhiri penulisan kajian ini. Dengan itu, cadangan yang telah dikemukakan dapat dijadikan sebagai rujukan dan contoh kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kaedah penyelesaian pencerobohan tanah kerajaan di kawasan Daerah Batu Pahat.



**Rajah 1.1 : Carta Alir Metodologi Kajian**

## **1.8 Susunatur Bab**

Bab satu merupakan bab permulaan bagi penulisan mengenai kajian yang mana di dalam bab ini, pengenalan terhadap permasalahan, matlamat, objektif, kepentingan dan metodologi kajian adalah dikenalpasti dan ditentukan. Ini adalah penting bagi memastikan kajian yang hendak dilaksanakan tidak tersasar jauh daripada matlamat dan objektif yang telah ditetapkan.

Di dalam bab dua, ia menjelaskan secara umum mengenai pencerobohan tanah kerajaan. Ianya mengandungi definisi tanah kerajaan, takrifan pencerobohan tanah kerajaan dan menjelaskan punca-punca berlakunya pencerobohan tanah kerajaan. Selain itu, di dalam bab ini juga menceritakan tindakan mencegah kegiatan pencerobohan tanah kerajaan dan juga menjelaskan mengenai peruntukan undang-undang pencegahan pencerobohan tanah kerajaan.

Di dalam bab tiga pula, ianya lebih memfokuskan kepada kawasan kajian yang telah dipilih iaitu kawasan pencerobohan di Daerah Batu Pahat yang mana ia menyentuh dan menceritakan dengan lebih lanjut mengenai latarbelakang Daerah Batu Pahat, lokasi dan keluasan Daerah Batu Pahat. Kegiatan pencerobohan tanah di kawasan Daerah Batu Pahat juga dijelaskan secara terperinci keseluruhan kawasan yang terlibat dengan kegiatan pencerobohan tanah kerajaan untuk tujuan pertanian ini.

Bab empat merupakan bab yang menerangkan mengenai analisis kajian di mana dalam bab tersebut ianya telah menceritakan dan mengupas dengan lebih mendalam dan lanjut mengenai beberapa analisis yang berkaitan dengan kajian berdasarkan kepada sesi temubual yang telah dilakukan bagi memastikan bahawa matlamat dan objektif kajian adalah tercapai.

## **TESIS**

Dewi Adharina Mohd Yunus (2002). “Kajian Penguatkuasaan Terhadap Pencerobohan Tanah Kerajaan Dalam Kawasan Rezab Melayu”, Tesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM Skudai.

Mohd. Rashid Abd. Rahup (2004). “Proses Penyelesaian Masalah Pencerobohan Di Atas Tanah Rizab Untuk Tujuan Pembangunan” , Tesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM Skudai.

Hasmida Mohd Othman (2007). “Pembangunan Tanah Bermilik Terbiar Di Kawasan Bandar”, Tesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM Skudai.

Hanis Musalman Bin Salehan (2007). “Kajian Terhadap Tindakan Kerajaan Negeri Johor Dalam Menangani Penempatan Semula Setinggalan Di Negeri Johor, Tesis Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM Skudai.

Nik Sarulazzie Bin Nik Mohamed (2006).” Kajian Ke Atas Penguatkuasaan Pelanggaran Syarat Guna Tanah Di Johor Bharu, Tesis Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM Skudai.

Dr. Hajah Asiah Othman (2006). “Implikasi Pencerobohan Tanah Kerajaan”, Laporan Akhir Penyelidikan Jangka Pendek, Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM Skudai.

## **AKTA**